

Buletin

e-ISSN: 2600-8289

ACIS

Syaaban - Ramadhan 1444/ Mac 2023



Ramadhan : Bulan Al-Quran

Madrasah Sufi
dalam Ramadhan **4**

Ramadhan Bukan Bulan
Pesta Makanan **11**

Jaga Lidah Supaya
Pahala Puasa Tidak
Berkurangan **10**

Maqasid Ramadhan:
Hikmah Pensyariatan **7**

Nota Kaki:
Syarat-syarat, Rukun dan Perkara
yang Membatalkan Puasa **8**

eISSN 2600-8289



Maqasid Ramadan: Hikmah Pensyariatan



Oleh:

Dr Adibah Bahori

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau

Ramadan datang dengan membawa jutaan rahmat dan keberkatan yang dikurniakan Allah. Kemuliaan bulan Ramadan dapat kita fahami dalam hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Imam Muslim yang bermaksud: *“Apabila tiba bulan Ramadan, maka dibuka pintu-pintu syurga, ditutup pintu-pintu neraka dan syaitan dibelenggu.”*

Puasa yang disyariatkan oleh Allah SWT bukan sekadar memerintahkan umat Islam meninggalkan makan dan minum pada waktu siang, tetapi mempunyai matlamat yang jelas untuk melahirkan manusia yang bertakwa kepada Allah. Firman Allah dalam Surah al-Baqarah ayat 183 telah menjelaskan tujuan disyariatkan puasa, maksudnya: *“Wahai orang yang beriman, diwajibkan kepada kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan kepada umat-umat terdahulu agar kamu bertakwa.”*

Sewajarnya setiap umat Islam yang berpuasa menghayati hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Ibn Majah, al-Nasa'i dan al-Hakim yang bermaksud: *“Terdapat orang berpuasa yang hanya memperoleh lapar semata-mata.”* Puasa yang memenatkan badan, menahan lapar dan dahaga, tetapi tidak memperoleh ganjaran yang disediakan oleh Allah. Ramadan perlu dilihat dari kerangka yang lebih luas. Apakah maqasid (objektif) yang ingin dicapai melalui Ramadan? Apakah hikmah pensyariatan puasa di bulan Ramadan?

Puasa Wasilah Capai Ketaqwaan

Ramadan merupakan bulan yang penuh dengan elemen-elemen ketakwaan termasuklah ibadah puasa. Orang yang bertakwa menjadikan al-Quran sebagai panduan dalam kehidupan mereka. Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 185, maksudnya: *“Bulan Ramadan yang padanya diturunkan al-Quran menjadi petunjuk sekalian manusia, keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah.”*

Allah SWT menyatakan al-Quran sebagai petunjuk orang bertaqwa. Sementara puasa pula ialah jalan memperoleh taqwa. Ketakwaan, al-Quran dan puasa digabungkan dengan penuh kemuliaan menerusi peristiwa penurunan al-Quran pada bulan Ramadan. Sesungguhnya, Allah menyediakan ganjaran besar dan tidak ternilai harganya kepada orang yang benar-benar berpuasa. Dalam hadis sahih daripada Abu Hurairah r.a., Rasulullah SAW bersabda, mafhumnya: *yang berpuasa pada bulan Ramadan dengan penuh keimanan dan mengharapkan keredaan Allah, akan diampunkan segala dosa yang dilakukannya sebelum itu.”*

Ramadan perlu kita fahami sebagai agen perubahan dan kebangkitan jiwa-jiwa muslim. Seharusnya kita cuba sedaya upaya untuk mengekalkan momentum ibadah ketika di bulan



Ramadan demi mencapai maqasid puasa yang menepati syariat. Ia juga bertujuan melatih kita menggandakan kuantiti dan kualiti ibadah. Semoga kita dapat meneruskannya dalam bulan-bulan yang seterusnya sehinggalah menjelang Ramadan yang akan datang.

Jom kita semak diri sepanjang Ramadan

Betulkan yang biasa

Hanya datang ke masjid untuk solat Terawih berjemaah, tidak pada solat fardu yang lain.

Makan sampai tidak larat.

Berbuka dengan pelbagai juadah dan minuman, sama ada yang dimasak sendiri atau yang dibeli.

Tidak begitu bersemangat melakukan rutin harian biasa seperti bekerja atau belajar dengan alasan letih berpuasa.

Perbelanjaan juadah puasa lebih banyak daripada bulan-bulan lain.

Kerap berbuka bufet Ramadan di restoran, hotel dan seumpamanya.

Teruja dengan persiapan Syawal sehingga sibuk akan pelbagai persiapan Raya sehingga meremehkan 10 malam terakhir Ramadan.

Biasakan yang betul

Sedaya upaya solat fardu berjemaah setiap waktu.

Makan sekadarnya.

Sedaya upaya mengamalkan makan sederhana atas semangat mengikut sunnah Rasulullah SAW

Berasa lebih bersemangat melakukan rutin harian biasa kerana yakin setiap amal kebaikan digandakan.

Peluang berjimat untuk bulan ini. Lebihan duit boleh disedekahkan

Kerap menjamu atau menaja juadah berbuka kepada orang lain terutamanya orang yang memerlukan

Semakin merasakan Ramadan bakal berlalu, serta terus meningkatkan kualiti dan kuantiti ibadah.